

PRAKTIS NOVEL: JALAN KE PUNCAK (TINGKATAN 2)

Berdasarkan novel Jalan ke Puncak, huraikan **dua masalah** yang dihadapi oleh watak utama berserta usahanya untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Dua _____ yang dihadapi oleh watak utama berserta usahanya untuk menyelesaikan masalah tersebut ialah Laiman menghadapi masalah dengan ayahnya, Pak Kiassim. Pak Kiassim _____ Laiman setelah anaknya itu menolak tawaran untuk bekerja _____ di jabatan kerajaan. Laiman memberitahu ayahnya bahawa dia ingin _____ dan bekerja sendiri tanpa mengharapkan pekerjaan makan gaji semata-mata. Akhirnya, kejayaan projek _____ tembikai yang diusahakan oleh Laiman telah berjaya mengubah pandangan Pak Kiassim terhadap _____ anaknya itu. Pak Kiassim telah memberikan _____ sepenuhnya terhadap semua projek dirancangan oleh Laiman dan Milan.

_____, Laiman menghadapi masalah dengan Pak Sahok. Pak Sahok tidak _____ Laiman dan Milan untuk mengerjakan projek ternakan mereka di _____ yang terletak bersebelahan dengan tanah sawah miliknya. Laiman dan Milan telah berusaha beberapa kali untuk _____ dan berbincang dengan Pak Sahok bagi menerangkan tujuan asal mereka. Namun begitu, perbincangan itu tidak berhasil dan _____. Kemudian, ayah Laiman menghulurkan bantuan dengan menjadi _____ untuk berbincang dengan Pak Sahok. Akhirnya, Pak Sahok _____ dan memberikan _____ kepada Laiman dan Milan untuk menggunakan tanah paya

tersebut bagi menjalankan projek ternakan ikan air tawar dan ternakan udang harimau.

makan gaji	sokongan	memarahi
tanaman	masalah	Selain itu
tanah paya	berdikari	membenarkan
gagal	keizinan	cita-cita murni
berlembut hati	berjumpa	orang tengah